

Bayi maut dihentak objek keras pada kepala, tetapi pengasuh dakwa tersedak susu

Muntah darah di rumah pengasuh

Oleh IKHWAN IDERIS

KUANTAN - Seorang bayi lelaki berusia lapan bulan maut malam kelmarin setelah mengalami kecederaan parah di kepala dipercayai akibat kecuaiannya pengasuhnya.

Mohamad Haziq Izzudin Mohd. Safari disahkan meninggal dunia sewaktu menjalani pembedahan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini kira-kira pukul 11.50 malam.

Bapa mangsa, Mohd. Safari Ibrahim (**gambar kecil**), 36, berkata, isterinya menerima panggilan daripada pengasuh anak Mohamad Haziq pada pukul 10.30 pagi Rabu lalu yang mengatakan anak bongsunya itu tersedak susu.

"Saya bergegas ke rumah pengasuh di Sungai Isap di sini dan mendapati anak saya berada dalam keadaan separuh sedar. Terdapat kesan muntah dan darah pada bajunya selain bengkak pada

bahagian kepala.

"Saya bertanya kepada pengasuh mengenai apa yang terjadi, namun dia berdolak-dalik dan mendakwa kesan bengkak dan lebam pada kepala Mohamad Haziq merupakan tanda lahir.

"Melihatkan keadaannya, saya terus menghantar anak bongsu saya itu ke sebuah hospital swasta. Bagaimanapun, keadaannya semakin teruk sehingga dia terpaksa dirujuk ke HTAA pada petang Khamis.

"Saya sedih apabila doktor yang mengetuai pasukan pembedahan di HTAA memberitahu peluang untuk anak saya hidup cuma 50:50.

"Ketika itu hati saya terdetik mungkin inilah kali terakhir saya dapat menatap wajah anak saya kerana dia akan pergi tidak lama lagi," cerita Mohd. Safari kepada pemberita semasa ditemui di Jabatan Forensik HTAA di sini semalam.

Menurut Mohd. Safari, dia mem-



MOHAMAD HAZIQ meninggal dunia di Kuantan kelmarin akibat pendarahan pada kepala.

buat laporan mengenai kejadian itu di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan kelmarin iaitu beberapa jam sebelum anaknya disahkan meninggal dunia.

Mohd. Safari berkata, wanita pengasuh anaknya itu ada merayu kepadanya supaya dia tidak



IBU Mohamad Haziq, Noriah Ramli, memangku jenazah anaknya itu selepas keluar dari bilik mayat Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan semalam.

mengambil tindakan undang-undang, namun dia nekad membawa ke muka pengadilan sebagai pengajaran kepada orang lain.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Abdul Aziz Salleh berkata, bedah siasat mendapati bayi itu mening-

gal dunia akibat hentakan objek keras pada kepala.

Katanya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 3(1)(5) kerana menyebabkan kematian.

Jenazah Mohamad Haziq dikedumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Rangin.